

Membina generasi intelek seiring dengan akhlak mulia

Bersama
Dr Khairun Nizam
Mohammad Yusuf



Sejarah manusia penuh dengan kisah tamadun yang bangkit megah lalu rebah menyembah bumi.

Kota yang besar pernah berdiri dengan bangunan gagah dan perpustakaan agung, dipenuhi ilmuwan dan cendekiawan menguasai sains, falsafah dan teknologi.

Namun, tamadun itu tidak runtuh kerana mereka kekurangan orang pandai. Mereka runtuh apabila kesombongan menggantikan kerendahan hati, apabila kuasa mengatasi hikmah, dan apabila adab dianggap beban bukan asas. Orang Melayu lama berpesan, "Apabila hilang malu, hilanglah segalanya."

Malu di sini bukan takut, tetapi kesedaran tentang batas. Tindakan seorang pelajar institusi pengajian tinggi memijak al-Quran dan menyiarkannya di media sosial bukan sekadar salah laku disiplin. Ia bukan sekadar isu undang-undang atau kebebasan bersuara, malah simbol kepada sesuatu yang lebih dalam dan merisaukan iaitu hakisan adab dalam kalangan generasi intelektual masa depan.

Universiti sepatutnya melahirkan manusia yang bukan sahaja tajam fikirannya, tetapi halus jiwanya. Namun, apabila tindakan provokatif dianggap 'statement', dan sensitiviti agama dipersenda atas nama ekspresi, kita wajar bertanya, apakah sebenarnya yang sedang kita bina? Adakah kita sedang melahirkan generasi yang benar-benar matang atau sekadar mahir mencipta sensasi?

Hari ini, media sosial menjadi universiti kedua. Bezanya, universiti ini mengajar cara mendapatkan perhatian, bukannya hikmah. Algoritma tidak peduli adab, tapi ia lapar angka. Lagi kontroversi dan sensasi, lagi tinggi capaian dan tontonan. Dalam dunia seperti ini, tindakan ekstrem jadi kayu pengukur mencabar susila masyarakat.

Anak muda hidup dalam gelembung digital yang

mengulang-ulang naratif tertentu sehingga perkara luar biasa menjadi biasa. Dalam vakum digital itu, provokasi dilihat sebagai keberanian.

Namun, Malaysia bukan gelembung maya. Ia masyarakat beragama, berbudaya dan sarat dengan sensitiviti. Memijak kitab suci, lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk, bukan soal berani atau tidak. Ia soal empati, hormat, dan memahami bahawa kebebasan tidak pernah wujud tanpa tanggungjawab.

Ungkapan 'biar tak pandai, tapi beradab' sering dianggap kolot. Kononnya ia antiintelektual. Tetapi, cuba kita fikir dengan jujur, mana lebih berbahaya kepada negara. Seorang yang sederhana ilmu, tetapi tahu menghormati batas, atau seorang yang cemerlang akademik, tetapi tidak bermoral? Ilmu tanpa adab melahirkan kecerdikan yang angkuh tapi ia juga permulaan kepada keruntuhan.

Pemikir seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas telah lama mengingatkan bahawa krisis utama masyarakat ialah kehilangan adab. Apabila kebebasan dan ekspresi diletakkan lebih tinggi

daripada empati serta nilai bersama, budaya keliru tumbuh melata.

Kita mungkin memiliki graduan dengan CGPA tinggi dan fasih berbicara tentang hak, tetapi jika mereka gagal memahami makna hormat terhadap simbol agama, kepintaran itu menjadi kosong.

Dalam kehairahan mengejar perhatian di ruang maya, jangan sampai nilai sebenar tergedai. Viral mungkin bertahan beberapa hari, tetapi luka sosial akibat tindakan biadab boleh bertahan lebih lama.

Kita tidak boleh sekadar berkata, 'Budak-budak, nanti matanglah'. Tamadun tidak menunggu orang matang. Ia merosot perlahan-lahan setiap kali kita meremehkan perkara asas.

Anak muda tidak muncul dalam vakum. Mereka cerminan ekosistem yang kita bina. Jika wacana awam dipenuhi sindiran kasar dan penghinaan, jika simbol lawan politik dipersenda sesuka hati, jika orang dewasa sendiri gagal menunjukkan adab dalam perbezaan, adakah kita benar-benar layak menuntut generasi muda lebih baik daripada kita?

Tanya diri kita, adakah sebagai

masyarakat kita benar-benar serius tentang pendidikan adab? Adakah ibu bapa lebih risau tentang keputusan peperiksaan berbanding cara anak bercakap tentang orang lain? Adakah universiti melihat kursus etika sebagai teras pembentukan insan atau sekadar cukup syarat kredit? Kita sering berbangga dengan ranking dan pencapaian akademik, tetapi jarang bertanya tentang tahap empati graduan kita.

Jika hari ini mereka melihat provokasi sebagai keberanian dan sensitiviti sebagai kelemahan, bayangkan bentuk kepemimpinan yang akan kita warisi dua atau tiga dekad akan datang. Negara tidak memerlukan pemimpin yang sekadar pandai bercakap dan mahir berdebat. Yang kita perlukan pemimpin yang tahu bila masanya perlu diam, hormat, dan mengakui kesilapan.

Kita bukan tidak mahu generasi yang pandai. Itu semestinya. Soalnya, adakah generasi itu hanya pandai intelektualnya tetapi kehilangan batas moralnya, atau mungkin tidak sempurna ilmunya, tetapi kukuh adabnya.

Penulis Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media
UiTM Shah Alam

Ilmu tanpa adab
melahirkan
kecerdikan yang
angkuh

dialog kotaraya oleh lobak



SEPERTIGA DARI
RAMADAN TELAH
BERLALU, DAN
SEPERTIGA ITU
BANYAK.

MAKA SIAPA SAJA
TELAH BERBUAT
KEBAIKAN HENDAKLAH
DIA
MEMPERBANYAKANNYA.

DAN SIAPA SAJA
YANG TELAH
BERBUAT BURUK
MAKA HENDAKLAH
DIA SEDAR.